

BAB 2

Tinjauan Kajian Berkaitan

2.1 Pendahuluan

Bab ini bertujuan menjelaskan bidang dan batasan kajian serta definisi istilah yang berkaitan dengan kajian ini. Selain itu literatur dan kajian lepas yang berkaitan dengan aspek-aspek tulisan Cina khasnya Liu Shu, makna tersembunyi dan penentu sebutan juga dibincangkan dalam bab ini. Dalam bahagian "Konsep Liu Shu", pengkaji membentangkan tinjauan literatur berkaitan tentang konsep Liu Shu. Manakala, kajian-kajian yang berkaitan dengan tulisan fonetik kompleks terutamanya mengenai penentu sebutan dan makna tersembunyi disingkapkan dalam bahagian "Kajian makna tersembunyi" dan "Kajian penentu sebutan".

2.2 Bidang dan Batasan Kajian

Bidang kajian ini adalah berkenaan dengan etimologi tulisan Cina kerana makna asal bagi setiap perkataan yang terlibat diperlukan untuk dianalisis dari aspek komponen makna. Namun, memandangkan bilangan yang besar dalam tulisan Cina terutamanya tulisan fonetik kompleks (melebihi enam puluh ribu perkataan), maka kajian ini hanya akan menumpukan kepada kumpulan kata siri fonetik [ing] sahaja. Sebab utama kajian dijalankan ke atas "kumpulan kata" kerana hanya melalui kajian secara

kumpulan kata mengikut siri fonetik vokal, barulah kajian ini bermakna memandangkan dapat menghasilkan satu klasifikasi makna tersembunyi yang sistem dan teratur. Selain itu, untuk mengesan tahap keberkesanan penentu sebutan, data-data kajian harus merupakan kumpulan kata yang berkaitan dari segi bunyi vokal. Walau bagaimanapun, "siri fonetik [ing]" dipilih kerana tidak pernah ada kajian dijalankan ke atasnya (sila rujuk muka surat 32). Di samping itu, hanya tulisan-tulisan Cina yang diterima oleh "Kamus Bahasa Cina Moden. Syarikat Penerbitan Shang Wu : Bei Jing, 1996." (现代汉语词典.商务出版社:北京,1996.) akan dikaji dan dianalisis. Antara sebab-sebab kamus tersebut dipilih sebagai sumber data adalah kerana kamus tersebut bukan sahaja merangkumi perbendaharaan kata masa lampau, tulisan dialek dan tulisan klasik, bahkan sistem penyusunan yang membolehkan penggunanya membezakan persamaan dan kelainan tulisan dari segi bentuk, makna dan sebutan juga amat sesuai untuk dijadikan sumber data bagi kajian ini.

2.3 Definisi Istilah


Istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian ini didefinisikan dalam bahagian berikut :

(a) Siri Fonetik / Makna tersembunyi / Penentu sebutan

Siri fonetik merupakan salah satu komponen simbol bagi tulisan fonetik kompleks. Tulisan Cina yang diklasifikasikan sebagai tulisan fonetik kompleks boleh

dibahagikan kepada dua komponen, iaitu komponen radikal dan komponen siri fonetik. Kedua-dua komponen tersebut secara amnya berfungsi tertentu.

Rajah 2.1 Komponen dan fungsi tulisan fonetik kompleks



Dengan merujuk kepada rajah 2.1 di atas, maka jelas bahawa fungsi utama komponen radikal ialah sebagai penentu kategori. Ini boleh dijelaskan melalui tulisan Cina seperti "浅", "钱", dan "贱", komponen radikalnya masing-masing adalah "氵", "钅", dan "贝". "氵" menentukan kategori tulisan "浅 (air yang cetek)" sebagai kategori "air", "钅" menentukan tulisan "钱 (emas atau duit yang sedikit)" ke dalam kategori "bahan galian". "贝 (kepah)" menentukan tulisan "贱 (wang yang sedikit)" ke dalam kategori "wang (kepah berfungsi sebagai wang bagi manusia zaman purba)". Sila rujuk Jadual 2.1 di bawah :

Jadual 2.1 Fungsi komponen radikal sebagai penentu kategori

Contoh tulisan	Komponen radikal	Fungsi sebagai penentu kategori	Makna asal
浅	氵	Air	[air] yang cetek.
钱	钅	Emas	[emas] / duit yang sedikit.
贱	贝	Kepah	[wang] yang sedikit. ("kepah" merupakan "wang" pada zaman purba).

Bagi komponen siri fonetik, fungsi utamanya ialah sebagai penentu sebutan. Seperti contoh di atas, komponen siri fonetik bagi tulisan "浅", "钱", "贱" ialah "戋" yang menyampaikan bunyinya [ian] ("浅" disebut sebagai [qiǎn], "钱" disebut sebagai [qián] dan "贱" disebut sebagai [jiàn]). Namun, bukan semua tulisan yang mempunyai komponen siri fonetik "戋" disebut sebagai buniy [ian], contohnya seperti "残", sebutan perkataan itu ialah [cán] tetapi bukan [ian] (sila rujuk jadual 2.2 di bawah).

Jadual 2.2 Fungsi komponen siri fonetik sebagai penentu sebutan.

Contoh tulisan	Komponen siri fonetik	Fungsi sebagai Penentu sebutan	Sebutan
浅	戋	[ian]	[qiǎn]
钱	戋	[ian]	[qián]
贱	戋	[ian]	[jiàn]
残	戋	[ian]	* [cán]

Selain itu, didapati sesetengah komponen siri fonetik juga berfungsi sebagai penyampai makna tersembunyi. Fungsi tersebut amat berbeza dengan fungsi yang dimainkan oleh penentu radikal. Fungsi komponen radikal ialah sebagai penentu kategori tetapi fungsi komponen siri fonetik (selain sebagai penentu sebutan) juga berfungsi sebagai pembawa makna tersembunyi. Ini bermakna terdapat dwifungsi pada komponen siri fonetik terhadap sesetengah tulisan fonetik kompleks. Seperti contoh di atas, komponen siri fonetik bagi "浅", "钱", "贱" iaitu "戋" juga membawa makna tersembunyi "sedikit / kecil" (sila rujuk jadual 2.3). Ini dapat dibuktikan melalui pemahaman makna asal dan penjelasan tentang makna tulisan itu.

Jadual 2.3 Fungsi komponen siri fonetik sebagai pembawa makna tersembunyi.

Contoh tulisan	Komponen siri fonetik	Fungsi sebagai pembawa makna tersembunyi	Makna asal
浅	戋	[bilangan kecil]	Air yang cetek / [sedikit].
钱	戋	[bilangan kecil]	Emas / duit yang [sedikit].
贱	戋	[bilangan kecil]	Wang yang [sedikit].

Dengan merujuk kepada jadual 2.3 di atas, didapati bahawa "浅" bermakna asal "air yang cetek / sedikit", "钱" merupakan "emas atau duit yang sedikit" dan "贱" makna asalnya ialah "wang yang sedikit / berbilangan kecil". Ketiga-tiga tulisan yang berkongsi satu komponen siri fonetik "戋" itu juga berkongsi satu makna yang tersembunyi iaitu "bilangan kecil". Walau bagaimanapun, bukan semua tulisan yang berkongsi komponen siri fonetik tersebut mempunyai makna tersembunyi yang sama.

(b) Vokal [ing]

Vokal ialah "huruf hidup atau huruf saksi" (Kamus Dewan,1341). Ia adalah bunyi suukata selain konsonan depan. Secara keseluruhannya, terdapat dua puluh tiga vokal dalam bahasa Mandarin. Kesemua vokal tersebut dapat dibahagikan kepada empat kumpulan, antaranya ialah : vokal tunggal , diftong / vokal pasangan, vokal sengau / nasal dan vokal sisipan. Vokal [ing] boleh dianggap sebagai vokal sengau belakang. Vokal sengau belakang merupakan vokal yang mempunyai "ng" pada hujung vokal. Antaranya ialah [ang],[eng],[ing],[ong],dan [ung]. Sebutan vokal tersebut dimulakan dengan menyebut vokal pertama ke vokal sengau belakang "ng". Semasa sebutan "ng", hujung lidah dinaikkan sehingga menyentuh pada velar dan

kekal, udara akan keluar melalui rongga hidung. Bentuk mulut bermula dari buka sehingga separuh buka.

Walau bagaimanapun, adalah perlunya untuk menekankan bahawa istilah " [ing]" pada kajian ini merujuk kepada "simbol" komponen siri fonetik. Dengan kata lain, "siri fonetik [ing]" merujuk kepada komponen "simbol" fonetik yang bersebutan vokal [ing] tetapi bukan "tulisan Cina atau tulisan fonetik kompleks" yang bersebutan vokal [ing] sahaja. Dalam kajian ini, terdapat sebanyak tiga puluh kumpulan kata siri fonetik [ing]. Antaranya ialah siri fonetik "并,丙,丁,定,廷,京,圣,青,井,景,敬,竟,令,麥,虍,名,冥,宁,平,顷,𦥑,亭,星,幸,刑,雁,英,莢,要,dan 藏" (sila rujuk muka surat 66).

(c) 'Shuowen Jiezi' (说文解字)

Menurut "Ensiklopedia Bahasa dan Tulisan Cina", 'Shuowen Jiezi' merupakan sebuah kamus Cina yang tersulung serta berpengaruh besar terhadap generasi selepasnya. Kamus ini diterbitkan oleh Xu Shen (许慎) pada tahun 100 setelah beliau mengaji hasil-hasil filologi pada masa itu. Antara keistimewaan pada kamus ini adalah ia merangkumi sembilan ribu tiga ratus lima puluh tiga tulisan Cina yang diklasifikasikan kepada lima ratus empat puluh radikal. Tulisan-tulisan tersebut seterusnya disusun berdasarkan tiga prinsip utama iaitu tulisan yang bererti puji disusunkan di bahagian depan manakala tulisan yang bererti keji disusunkan di bahagian belakang, tulisan nama khas yang berkongsi satu radikal disusunkan pada bahagian depan manakala perkataan nama am yang berkongsi satu radikal disusunkan pada bahagian belakang, tulisan-tulisan yang berkaitan dari segi erti

disusunkan supaya mudah dicari. Selain itu, Xu Shen juga telah menganalisis sembilan ribu tiga ratus lima puluh tiga tulisan Cina itu dan menyimpulkannya mengikut konsep Liu Shu (metode induktif terhadap cantuman komponen-komponen tulisan Cina yang dapat menyatakan semantik, dan fonetik). Di samping itu, beliau juga telah menjelaskan makna asal bagi setiap tulisan. Beliau telah menjadikan Liu Shu lebih konkret dan juga menjadikan ciptaan makna tulisan Cina lebih nyata (Jiang Shan Guo, 1987:8). Kemunculan 'Shuowen Jiezi' bukan saja telah memandu sistem perkamusinan Cina ke arah yang lebih bersistem dan logikal bahkan juga menubuhkan linguistik yang bergaya bangsa Han. Dengan itu, ia dianggap sebagai sebuah kitab utama bagi pengkaji tulisan Cina sejak seribu lapan ratus tahun dan dilihat sebagai sebuah ensiklopedia serta bahan yang amat penting bagi pengkaji-pengkaji tulisan Cina. Secara kesimpulannya, 'Shuowen Jiezi' telah dan sedang membawa pengaruhan yang dalam terhadap kajian tulisan Cina, ia juga akan mempengaruhi hasil-hasil kajian tulisan Cina pada masa akan datang.

Berdasarkan keautoritian dan keistimewaan 'Shuowen Jiezi' yang tersebut di atas, 'Shuowen Jiezi' akan dipilih sebagai bahan rujukan utama untuk mengenalpasti komponen radikal dan siri fonetik pada kumpulan kata siri fonetik [ing].

2.4 Konsep Liu Shu

Dalam memahami struktur dan pembinaan bentuk tulisan Cina, Liu Shu memainkan peranan yang amat penting. Menurut Zhang Zheng Liang (张政烺) (Ensiklopedia Bahasa dan Tulisan Cina, 1988:260), Liu Shu diperkenalkan oleh "Zhou Li (周礼)", iaitu sebuah hasil karya yang diwarisi dari Konfusianis pada

zaman B.C.770 hingga B.C.476. Selepas itu, menurut Liu Xin (刘歆) pada judulnya Qi lue (七略) : "kanak-kanak pada zaman dahulu mulai belajar pada umur lapan tahun, jadi "Zhou Guan Bao Si (seorang pegawai kerajaan yang bernama Bao)" mengawal dan mendidik mereka dengan Liu Shu, iaitu dasar pembentukan tulisan yang disebut sebagai tulisan gambar piktografik (象形 [xiàng xíng] / imitative drafts), tulisan penunjuk simbol, (指事 [zhǐ shì] / indicative symbols), tulisan pemahaman logik, (会意 [huì yì] / logical aggregates), tulisan fonetik kompleks (形声 [xíng shēng] / phonetic complexes), tulisan pengalihan makna (转注 [zhuǎn zhù] / mutually explanatory) dan tulisan pinjaman palsu (假借 [jiǎ jiè] / false borrowing)." Ini merupakan penjelasan terawal bagi Liu Shu. "Xiangxing (象形), Xiangshu (象事), Xiangyi (象意), Xiangsheng (象声)" merujuk kepada bentuk dan struktur tulisan manakala "Zhuangzhu (转注)" dan "Jiajie (假借)" merujuk kepada cara penggunaan tulisan. "Zhuangzhu (转注)" mementingkan cara penggunaan dari segi makna tulisan tetapi "Jiajie (假借)" mementingkan cara penggunaan dari segi bunyi tulisan. Penjelasan ini telah memberikan sumbangan yang besar terhadap bidang filologi dan fonologi terutamaanya dari segi penganalisisan tulisan yang jelas.

Akibat daripada pengaruhan Liu Xin (刘歆) mengenai penjelasan tentang Liu Shu, Xu Shen (许慎, 58-147) iaitu seorang ahli filologi yang telah memberikan sumbangan yang besar terhadap bidang etimologi bahasa Cina telah menerbitkan 'Shuowen Jiezi (说文解字)' di mana terbitan tersebut merupakan kamus sulung di negeri Cina. Dalam terbitan tersebut, Xu Shen telah meminda istilah "Xiangshi (象事)" kepada "Zhishi (指事)", "Xiangyi (象意)" kepada "Huiyi (会意)", "Xiangsheng (象声)" kepada "Xingsheng (形声)". Di samping itu, beliau juga telah menyenaraikan beberapa tulisan Cina seperti "上, 下, 日, 月, 江, 河, 武, 信, 考, 老"

untuk dijadikan contoh tulisan supaya memperkuatkan Liu Shu. Pemindahan istilah serta penjelasan Liu Shu berdasarkan contoh oleh Xu Shen itu bukan sahaja telah menjadikan makna keenam-enam klasifikasi Liu Shu lebih jelas dan nyata, bahkan juga menjadikan Liu Shu sebagai satu teori utama dalam bidang filologi. Secara amnya, penjelasan Liu Shu oleh Xu Shen berdasarkan contoh adalah seperti berikut :

Jadual 2.4 : Penjelasan Liu Shu berdasarkan contoh oleh Xu Shen

Kategori Tulisan	Contoh Tulisan	Simbol	Cara Penyampaian Makna
Tulisan Penunjuk Simbol	上 下	、 —	Makna tulisan dapat difaham melalui pengamatan dan penglihatan pada simbol tertentu. Contoh : Simbol "、" terletak pada bahagian atas simbol "—" menyatakan makna "atas". Sebaliknya simbol "、" terletak pada bahagian bawah simbol "—" menyatakan makna "bawah".
Tulisan Gambar Piktografik	日 月	○ ☽	Bentuk tulisan direka melalui lorekan corak sesuatu benda. Contoh: Simbol "○" yang bermakna "matahari" direka melalui lorekan corak "matahari". Simbol "☽" yang bermakna "bulan" direka melalui lorekan corak "bulan".
Tulisan Fonetik Kompleks	江 河	氵 + 工 氵 + 可	Bentuk tulisan boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Sebahagian merupakan radikal tulisan manakala sebahagian pula menyampaikan sebutan. Contoh : Radikal + sebutan = makna 氵 (air) + 工 [gong] = sungai besar 氵 (air) + 可 [ke] = sungai

Tulisan Pemahaman Logik	武 信	止 + 戈 亾 + 言	Cantuman dua makna simbol dan menghasilkan suatu makna baru. Contoh : Cantuman simbol "止" yang bermakna "berhenti" dan simbol "戈" yang bermakna "senjata" menghasilkan tulisan dan makna baru iaitu "武" yang bermakna "bersikap ganas". Cantuman simbol "亾" yang bermakna "orang" dan simbol "言" yang bermakna "percakapan" menghasilkan tulisan "信" yang bermakna "amanah".
Tulisan Pengalihan Makna	考 老		Dua tulisan yang berkongsi satu radikal serta bunyi yang sama boleh dan dijelaskan di antara satu dengan lain kerana bererti sama. Contoh : "考 [kǎo]" dan "老 [lǎo]" yang berkongsi satu radikal iaitu "老" serta bunyi iaitu "[ao]" mempunyai makna yang sama iaitu "tua / berumur tinggi". *makna tulisan kategori ini disampaikan berdasarkan fungsi kegunaan makna tulisan (bukan berdasarkan simbol).
Tulisan Pinjaman Palsu	令 長		Tulisan yang meminjam tulisan lain ber-Dasarkan persamaan atau berdekatan bunyi kerana tiada tulisan tersebut. Contoh : "令" yang bermakna "mengarah / memberi arahan" telah "dipinjam" untuk menyampaikan makna "gelaran" kerana tiada tulisan yang menyampaikan makna tersebut. "長" yang bermakna "lama" telah "dipinjam" untuk menyampaikan makna "tumbuh" kerana tiada tulisan yang menyampaikan makna tersebut. *makna tulisan kategori ini disampaikan berdasarkan fungsi kegunaan bunyi tulisan (bukan berdasarkan simbol).

Menurut pendahuluan yang dituliskan oleh Xu Shen pada hasil karyanya

'Shuowen Jiezi' mengenai keistimewaan Liu Shu, "Tulisan penunjuk simbol / Zhishi (指事)" adalah tulisan yang boleh difahami setelah dilihat dan mengetahui maknanya

setelah diamati, contohnya seperti tulisan "上" dan "下" (tulisan "上" yang bermakna "di atas" dan "下" yang bermakna "di bawah" direka melalui pemahaman simbol "、" dan "—", simbol "、" menyatakan makna tulisan itu di atas atau di bawah). Ini bermakna tulisan jenis ini merupakan tulisan yang menggunakan simbol |, --, 、 dan sebagainya untuk menunjukkan sesuatu perkara atau peristiwa). "Tulisan gambar piktografik / Xiangxing (象形)" adalah tulisan yang dilukis mengikut corak sesuatu benda atau perkara, contohnya seperti tulisan "日" dan "月", (tulisan "日" yang bermakna asal "matahari" dan "月" yang bermakna "bulan" direka melalui lorekan mengikut coraknya iaitu "○" dan "☽"). "Tulisan fonetik kompleks / Xingsheng (形声)" adalah tulisan yang bertujuan mengumpamakan sesuatu perkara berdasarkan kategorinya dan dicantumkan dengan tulisan atau bahagian yang sama atau berdekatan bunyi (siri fonetik), contohnya seperti "江" dan "河" (tulisan "江" dan "河" masing-masing mempunyai satu penentu kategori / radikal yang bermakna "air" iaitu "氵", selain itu mereka juga mempunyai satu bahagian yang menyatakan bunyi iaitu "工[gōng]" dan "可[ké]"). "Tulisan pemahaman logik / Huiyi (会意)" adalah tulisan dicantumkan oleh dua radikal atau bahagian supaya menghasilkan makna yang baru, contohnya seperti tulisan "武" dan "信". (tulisan "武" direka melalui pencantuman dua bahagian iaitu "戈" yang bermakna "senjata" dan "止" yang bermakna "berhenti", akibat daripada pencantuman dua bahagian ini, maka terhasillah tulisan "武" yang bermakna baru iaitu "bersikap ganas", bagi tulisan "信", ia dicantumkan oleh bahagian "亼" yang bermakna "orang" dan "言" yang bermakna "percakapan", makna baru yang dihasilkan akibat pencantuman dua bahagian tersebut ialah "amanah". "Tulisan pengalihan makna / Zhuanzhu (转注)" adalah dua tulisan yang berkongsi satu radikal serta bunyi yang sama, selain itu, mereka juga mempunyai erti yang sama dimana boleh dijelaskan di antara satu dengan lain,

contohnya tulisan "考" dan "老". (tulisan "考" dan "老" berkongsi satu radikal dan bunyi yang sama iaitu "老" dan [ao], dari segi erti kedua-dua tulisan tersebut bererti "tua / berumur tinggi"). "Tulisan pinjaman palsu / Jiajie (假借)" adalah tulisan yang meminjam tulisan lain berdasarkan persamaan atau berdekatan bunyi kerana tiada terdapat tulisan tersebut, contohnya seperti "令" dan "长" (tulisan "令" bermakna asal "mengarah atau memberikan arahan" manakala tulisan "长" bermakna asal "lama". Walau bagaimapun, tulisan "令" juga telah "dipinjamkan" untuk menjelaskan makna "gelaran" daripada makna asalnya yang bermaksud "arahan" dan tulisan "长" telah dipinjamkan untuk menjelaskan makna "tumbuh" daripada makna asalnya yang bermaksud "yang lebih tua").

Secara keseluruhannya, Liu Shu adalah mengenai pengetahuan asas bagi kanak-kanak dalam mengenali dan menulis tulisan Cina. Namun, ia bukan merupakan dasar mencipta tulisan Cina tetapi lebih merupakan metode hasilan daripada pendekatan induktif setelah kajian dijalankan terhadap tulisan-tulisan Cina kuno.

2.5 Tinjauan Kajian Makna Tersembunyi

Menurut Ensiklopedia Bahasa dan Tulisan China (1988:171), Duan Yu Cai pernah menjalankan kajian terhadap makna tersembunyi (salah satu fungsi bagi siri fonetik, sila rujuk muka surat 16). Beliau pada mulanya mengemukakan bahawa terdapat persamaan sumber bagi bunyi dan makna dalam tulisan fonetik kompleks, ini menyebabkan tulisan yang bersiri fonetik sama kebanyakannya mempunyai makna yang berdekatan, tetapi seterusnya beliau mengatakan bahawa tulisan yang

berkongsi satu siri fonetik mempunyai erti yang sama dengan memberikan contoh-contoh seperti tulisan yang bersiri fonetik "农[nóng]" mempunyai makna yang tersembunyi iaitu "pekat", antaranya ialah "浓[nóng]" (bermakna asal bahan cecair yang pekat), "酉[nóng]" (bermakna asal arak yang pekat / beralkohol tinggi), dan "麻"[nóng] (bermakna asal nanah). Selain itu, tulisan yang bersiri fonetik "辰 [chén]" seperti tulisan "振[zhèn]" (bermakna asal menggemparkan) , "震[zhèn]" (bermakna asal gentar), "唇[chún]" (bermakna asal terkejut) membawa makna tersembunyi "bergerak". Fenomena tersebut yang ditunjukkan oleh Duan Yu Cai membolehkan para-para filologi mempunyai pandangan yang lebih luas terhadap tulisan fonetik kompleks selain daripada pandangan terhadap teori "Youwen (右文说)" sila rujuk muka surat 28).

Secara amnya, kejayaan Duan Yu Cai dalam kajian terhadap 'Shuowen Jiezi' adalah besar, beliau bukan sahaja merangkaikan 'Shuowen Jiezi' dan memberikan penerangan yang jelas pada setiap tulisan, bahkan juga telah menciptakan kaedah-kaedah dalam mengkaji makna tulisan Cina. Dengan lain perkataan, Duan Yu Cai telah membuka jalan yang baru dalam pembangunan fonologi Cina.

Selain daripada Duan Yu Cai, Yang Shu Da (杨树达, 1885-1956) iaitu seorang linguis yang terkenal di negeri China juga pernah menjalankan kajian terhadap makna tersembunyi. Berdasarkan semangat etimologi dan siri fonetik tulisan fonetik kompleks, beliau telah berjaya mencungkil makna tersembunyi yang terdapat pada sebahagian siri fonetik. Menurutnya, kerabat kata yang terletak pada siri fonetik "类" dan "讠" mempunyai perkaitan dari aspek makna iaitu membawa makna tersembunyi "bengkok", contohnya seperti tulisan "𠙴" ([quán], bermakna

gigi bengkok), "筈" ([quán], bermakna tanduk bengkok), "拳" ([quán], bermakna membengkokkan jari tangan), "眷" ([juàn], bermakna asal memandang ke belakang), "跔" ([quán], bermakna berjalan dengan bengkang-bengkok), "卷" ([juǎn], bermakna asal membengkokkan lutut kaki), "彊" ([quán], bermakna busur), "卷" ([quàn], bermakna bahan kulit yang berkedut). Di samping itu, tulisan Cina seperti "燕" ([yàn], merupakan sejenis burung yang lehernya berwarna putih), "馬燕" ([yàn], merujuk kepada punggung kuda yang berwarna putih), "魚晏" ([yàn], merujuk kepada hujung ekor kuda yang berwarna putih),"象宴" (yàn],merupakan ikan putih) membawa makna tersembunyi "putih", kerabat kata bagi "赤", "者", "朱", "段" mempunyai perkaitan dari aspek makna iaitu bermakna tersembunyi "kemerah-merahan", contohnya seperti tulisan "赭" ([zhě], bermakna tanah merah), "赭" ([zhū], bermakna askar yang berpakaian uniform merah), "巾赭" ([dú], bermakna membalut belakang dengan kain merah), "朱" ([zhū], merupakan sejenis kayu yang berwarna merah), "朱" ([zhū], bermakna merah tulen), "衣朱" ([zhū], bermakna baju merah), "瑕" ([xiá], merupakan zamrud yang berbintik merah), "駒瑕" ([xiá], merujuk kepada sejenis kuda yang bercampuran warna putih dan merah), "鯉瑕" ([xiá], merupakan ikan yang berwarna merah), "霞" ([xiá], bermakna awan merah), "赤霞" ([xiá], bermakna warna merah) , "瑚" ([hú], bermakna zamrud yang berwarna merah).

Walaupun beliau telah berjaya membuktikan terdapat perkaitan makna tersembunyi di antara siri fonetik "赤 [chì]", "者 [zhě]", "朱 [zhū]", dan "段 [xiá]", namun beliau gagal menjelaskan perkaitan dan perubahan yang berlaku pada keempat-empat siri fonetik ini memandangkan terdapat perbezaan sebutan pada keempat-empat siri fonetik ini (Kajian bahasa lisan, 1996:286). Walau bagaimanapun,

kajian beliau dari segi fonetik telah memberikan sumbangan yang besar terhadap bidang etimologi bahasa Cina terutamanya dari segi konsep baru mengenai fungsi siri fonetik sebagai penyampai makna tersembunyi. (sila rujuk muka surat 16).

Selain itu, menurut Su Xin Chun (苏新春), seorang ahli filologi dari negeri China berpendapat bahawa "hanya tulisan Cina mempunyai kelebihan dari aspek terdapat perkaitan antara bentuk, buni, dan makna dalam satu tulisan". Selain menjalankan kajian terhadap 'Shuowen Jiezi', beliau juga telah menjalankan kajian terhadap penyampaian makna tersembunyi dan berkesimpulan bahawa kemunculan makna tersembunyi pada siri fonetik adalah fenomena yang biasa. Namun, makna yang disampaikan oleh penentu kategori adalah lebih nyata berbanding dengan makna yang disampaikan oleh siri fonetik.

Menurut kajian beliau yang disyorkan di "Seminar Akademik Kajian Bahasa dan Tulisan Cina" (199:99), siri fonetik "支" bermakna tersembunyi "cabangan", contohnya seperti tulisan "肢" ([zhī], bermakna asal anggota badan), "枝" ([zhī], bermakna asal ranting pokok), dan "歧" ([qí], bermakna asal jalan bersimpang), siri fonetik "少" bermakna tersembunyi "halus", contohnya seperti tulisan "杪" ([miǎo], bermakna asal ekoran ranting pokok), "杪" ([miǎo], bermakna saat), "眇" ([miǎo], bermakna asal mata kecil), "眇" ([miǎo], bermakna asal halus serta dalam), siri fonetik "窩" bermakna tersembunyi "kekosongan pada bahagian dalaman", contohnya seperti tulisan "窟" ([chuāng], bermakna asal tingkap), "聰 / 愚" ([cōng], bermakna asal teliti), "葱" ([cōng], bermakna asal bawang), siri fonetik "清" bermakna tersembunyi "jernih / terang", contohnya seperti tulisan "清" ([qīng], bermakna asal air yang jernih), "精" ([jīng], bermakna asal beras yang telah dipilih), "晴" ([qíng],

bermakna asal hari yang cerah), "晴" ([jīng], bermakna asal biji mata), siri fonetik "仓" bermakna tersembunyi " teratur ", contohnya seperti tulisan "论" ([lùn], bermakna asal menganalisis dan perbincangkan), "纶" ([lún], bermakna asal pita sutera yang diikat pada cap pegawai kerajaan pada masa kuno), "伦" ([lún], bermakna asal urutan salasilah), siri fonetik "奇" bermakna tersembunyi "miring / condong", contohnya seperti tulisan "倚" ([yǐ], bermakna asal bergantung kepada benda atau orang lain), "寄"([jì], bermakna asal meminta bantuan orang untuk menguruskan sesuatu), "崎" ([qí], bermakna asal ladang sawah yang tidak rata), "骑" ([qí], bermakna asal menunggang kuda), siri fonetik "乚" bermakna tersembunyi "bengkong", contohnya seperti tulisan "𠂇" ([gōu], bermakna asal kait), "笱" ([gǒu], bermakna asal sejenis alat yang berbentuk bulat dan digunakan untuk menangkap ikan), siri fonetik "乔" bermakna tersembunyi "besar lagi tinggi" , contohnya seperti tulisan "桥" ([qiáo], bermakna asal jambatan), "娇" ([jiāo], bermakna asal gaya yang cantik lagi comel), "骄" ([jiāo], bermakna asal kuda yang enam kaki tinggi), dan siri fonetik "交" bermakna tersembunyi "membelit-belit" , contohnya seperti tulisan "绞" ([jiǎo], bermakna asal gantung mati), "狡" ([jiǎo], bermakna asal nama sejenis anjing), "饺" ([jiǎo], bermakna asal gorengan tepung yang berisi daging), "较" ([jiào], bermakna asal gunting), "校" ([xiào], bermakna asal perkakas seksa pada masa kuno), "跤" ([jiāo], bermakna tulang paha), "胶" ([jiāo], bermakna asal perekat), "咬" ([yǎo], bermakna asal menggigit), "效" ([xiào], bermakna asal mencontohi).

Menurut beliau lagi, dengan adanya siri fonetik yang berfungsi sebagai penyampai makna tersembunyi, maka terbentuk sejenis paduan dari segi makna di antara siri fonetik dan penentu kategori. Fenomena ini bersesuaian dengan apa yang dikatakan oleh Wang Shen Mei (王圣美), seorang ahli filologi pada dinasti Song

bahawa penentu kategori pada sebelah kiri manakala penentu sebutan pada sebelah kanan dan ini yang dimaksudkan sebagai "Teori Youwen (右文说)", contohnya seperti tulisan Cina "戋" yang bermakna asal "sedikit" apabila dicantumkan dengan penentu kategori air "氵" pada sebelah kiri, maka terbentuk tulisan "浅 [qiǎn]" yang bermakna "air yang sedikit / cetek". Begitu juga bagi tulisan "钱 [qián]", "金 (emas)" yang berfungsi sebagai penentu kategori berada pada sebelah kiri apabila dicantumkan dengan siri fonetik "戋 [jiān]" yang bermakna tersembunyi "sedikit" pada sebelah kanan, maka terbentuk tulisan "钱" yang bermakna asal "emas yang sedikit". Di samping itu, terdapat contoh-contoh yang lain seperti "贝 (kepah)" dicantum dengan "戋" yang menyampaikan bunyi [jiān] menghasilkan makna tersembunyi "sedikit", maka terbentuk tulisan "贱" yang bermakna asal "wang yang sedikit" (Kepah berfungsi sebagai wang pada zaman purba).

Secara kesimpulannya, Su Xin Chun (苏新春) telah berjaya mengesan makna tersembunyi yang ada pada sebahagian siri fonetik dan seterusnya menjelaskan tugas-tugas yang dipikul oleh penentu kategori serta siri fonetik dalam penyampaian makna. Kajian beliau telah memperkuatkan lagi "Teori Youwen (右文说)" yang mengatakan bahawa terdapat paduan makna di antara penentu kategori dan siri fonetik dalam sesuatu tulisan fonetik kompleks.

2.6 Tinjauan Kajian Penentu Sebutan

Menurut seorang ahli filologi dari China, Zhou You Guang (周有光, 1980:1) : "Kajian terhadap fungsi penentu sebutan oleh siri fonetik bukan bertujuan untuk memahami tulisan Cina secara berasingan tetapi adalah untuk memahami sistem

tulisan Cina secara keseluruhan". Dalam kajiannya Pemeriksaan Sebutan Siri Fonetik tulisan Cina (汉字声旁读音便查) pada tahun 1980, beliau telah menghitung semua komponen tulisan Cina yang selain dari komponen radikal berdasarkan 'Kamus Xinhua (新华字典, edisi 1971)'. Akhirnya beliau menyimpulkan bahawa kadar keberkesanan fungsi siri fonetik sebagai penentu sebutan adalah sebanyak 39 %. Pada pendapat saya, kajian yang menunjukkan peratusan yang rendah ini tidak dapat menggambarkan peratusan sebenar fungsi siri fonetik sebagai penentu sebutan. Ini disebabkan kajian Zhou You Guang bukan berdasarkan Liu Shu (sila rujuk muka surat 18) tetapi hanya menganggap komponen yang selain daripada komponen radikal sebagai siri fonetik. Contohnya bagi tulisan "招", sekiranya mengikut Liu Shu, siri fonetik bagi tulisan itu adalah "巴", namun Zhou You Guang menganggap "把" sebagai siri fonetik kerana radikal bagi tulisan itu adalah "扌". Selain itu, mengikut Liu Shu, hanya tulisan fonetik kompleks mempunyai keistimewaan dari segi penentu kategori dan penentu sebutan, sekiranya sesuatu tulisan yang bukan merupakan tulisan fonetik kompleks mempunyai komponen yang sama dengan sesuatu tulisan fonetik kompleks, ia tetap tidak boleh dianggap sebagai penentu sebutan bagi tulisan itu (sila rujuk muka surat 13). Contohnya tulisan "召 [zhào]" dan "初 [chū]", Bagi tulisan "召" (bermakna memanggil), penentu kategorinya adalah "口" manakala siri fonetiknya adalah "刀 [dāo]", ini bersepadan dengan Liu Shu. Bagi tulisan "初" (bermakna asal menggunting kain), tulisan ini merupakan tulisan yang tergolong pada kategori "tulisan pemahaman logik", jadi komponen "刀" tidak boleh dianggap sebagai siri fonetik kerana menurut Liu Shu, makna tulisan pemahaman logik dihasilkan melalui percantuman dua komponen (sila rujuk muka surat 21). Dalam hal ini, "刀" bukan penentu sebutan tetapi merupakan komponen tulisan pemahaman

logik yang bermakna "pisau". Ia boleh digabungkan dengan komponen "衤" (baju) supaya menghasilkan makna "menggunting kain".

Secara amnya, Zhou You Guang telah menjalankan kajian ke atas tulisan Cina berdasarkan kaedah "Tulisan Cina Moden" tetapi bukan berdasarkan "Liu Shu". Maka, hasil kajiannya sudah pasti berbeza dengan hasil kajian yang berdasarkan kaedah "Historikal Tulisan Cina".

Dari segi soal mengenai pandangan orang barat terhadap tulisan Cina, disebabkan tulisan Cina yang dianggap sebagai tulisan ideografik amat berbeza dengan tulisan yang menggunakan sistem alfabet fonetik terutamanya dari segi sistem simbol tulisan dan cara penyataan makna tulisan, maka jarang terdapat kajian yang dibuat ke atas bidang etimologi tulisan Cina oleh linguis-linguis barat.

Wade, seorang linguis barat yang membuat kajian terhadap sebutan bahasa Cina dan memperkenalkan "Wade-Giles Spelling System" di mana sistem tersebut luas digunakan di kalangan masyarakat Cina dan barat dalam mengeja bahasa Cina. Memandangkan tujuan kajian Wade adalah hanya untuk membolehkan orang-orang barat "mengeja" sebutan bahasa Cina, maka tiada kajian yang lebih dalam dijalankan terhadap penentu sebutan oleh siri fonetik.

Walau bagaimanapun, terdapat seorang linguis dari Sweden iaitu Bernhard Karlgren Johannes Karlgren (1889 - 1978) telah menyentuh siri fonetik secara lebih mendalam lagi. Pada permulaannya beliau menggunakan bahan siasatan dialek Cina dan menghasilkan 'Kajian fonetik China', kajian ini seterusnya mendatangkan

balasan yang besar oleh ahli-ahli linguis di China. Seterusnya , Bernhard Karlgren membuat kajian tehadap fonetik bahasa Cina Kuno dan menghasilkan 'Kamus analisis' serta 'Kajian Shijing'. Di samping itu, beliau juga menjalankan kajian terhadap tulisan "Jing" (金文, sistem tulisan Cina yang digunakan pada sebelum B.C. 1500 ~ sebelum B.C. 220) dan tulisan "Jiaguwen" (甲骨文, sistem tulisan Cina yang digunakan pada sebelum B.C. 1400 ~ pertengahan sebelum B.C. 1100). Pada tahun 1940, beliau juga telah menghasilkan kajiannya yang bertajuk 'Tulisan Bahasa Cina'.

Secara amnya, sumbangan yang terbesar bagi Bernhard Karlgren ialah beliau telah memperkenalkan "linguistik komparaif" ke negeri China dan mengkategorikan fonetik bahasa Cina (Ensiklopedia Bahasa dan Tulisan China, 1988 : 92). Di samping itu, beliau juga telah berjaya menjelaskan perbezaan-perbezaan sebutan di antara "bahasa Cina Ancient" dan "bahasa Cina Archaic" berdasarkan prinsipnya dalam kajian "Kamus analisis" iaitu "pasti mempunyai beberapa sebab mengapa tulisan Cina selalunya tidak diletakkan pada homofon yang sama sebagai fonetik dan membenarkan sedikit perbezaan dalam sebutan" dan "fonetik dan kompaun tidak semestinya merupakan homofon" (Bernhard Karlgren,1929:17). Kajian beliau yang hanya menitikberatkan ciri-ciri fonetik Bahasa Cina Kuno berdasarkan siri fonetik tulisan Cina dan telah memperkenalkan istilah "kerabat kata (字族 / word families)". Namun begitu, beliau tidak menyentuh soalan makna tersembunyi bagi tulisan Cina berdasarkan perkaitan siri fonetik. Ini mungkin disebabkan beliau tidak berpengetahuan Liu Shu dan tujuan kajian beliau adalah hanya menitikberatkan kaedah linguistik komparatif dalam menganalisis sebutan tulisan Cina.

Selain dari Bernhard Karlgren, seorang linguis dari Perancis, Dr.L. Wieger, S.J. pernah membuat analisis ke atas tulisan Cina Kuno berdasarkan bahasa prasasti Cina dan 'Shuowen Jiezi'. Dalam kajiannya 'Chinese Characters --- their origin, etymology, history, classification and signification' (1965), beliau telah mengumpulkan dua ratus dua puluh empat simbol asli (radikal) dan mengumpulkan sebanyak seribu lima ratus tulisan pemahaman logik dan tulisan fonetik kompleks untuk dianalisis dari segi asal unsur makna, klasifikasi dan sebagainya. Namun, kajian ini hanya menyentuh tulisan Cina dari segi permukaan sahaja, kajian-kajian terhadap siri fonetik secara mendalam khasnya dari segi penentu sebutan dan makna tersembunyi tidak disentuh langsung oleh beliau.

2.7 Kesimpulan

Dari literatur berkaitan yang ditinjau, didapati tulisan fonetik kompleks merupakan isu yang hangat diperbincang dan dikaji oleh para penyelidik khasnya dalam negeri Cina. Para filologi yang telah menjalankan kajian terhadap siri fonetik kebanyakannya bersetuju bahawa terdapat makna tersembunyi pada sesetengah siri fonetik. Antaranya, Duan Yu Cai merupakan tokoh pertama yang mengemukakan fenomena ini dan seterusnya diikuti pula oleh beberapa orang tokoh seperti Yang Shu Da, Su Xin Chun dan sebagainya. Walaupun begitu, tidak ada sesiapa pun yang menjalankan kajian makna tersembunyi ini secara bersistem, kebanyakan daripada mereka hanya menjalankan kajian dengan bertujuan membuktikan bahawa terdapat makna tersembunyi pada siri fonetik. Ahli-ahli filologi ini cuba mencungkil keistimewaan itu supaya dapat mempertingkatkan fungsi tulisan Cina. Dengan itu, kajian terhadap makna tersembunyi secara bersistem adalah penting kerana bukan

sahaja dapat memberikan bukti-bukti yang lebih kukuh lagi terhadap apa yang telah diperbincangkan oleh para filologi mengenai tulisan fonetik kompleks bahkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas lagi mengenai makna tersembunyi yang diwakili oleh pelbagai siri fonetik. Ini adalah kerana satu klasifikasi makna tersembunyi dapat dibentuk sekiranya kajian dijalankan berdasarkan siri fonetik yang berkait rapat (contohnya seperti perkaitan siri fonetik dari segi vokal [ing],[ong],[ang],dan sebagainya).

Dari aspek penentu sebutan pula, didapati semua kajian-kajian yang dijalankan oleh tokoh-tokoh Cina mahupun barat bukan berdasarkan Liu Shu. Zhou You Guang menjalankan kajian terhadap sebutan tulisan Cina berdasarkan kaedah "Tulisan Cina Moden", kajian sedemikian adalah tidak logik kerana tidak mengambilkira faktor-faktor pembentukan tulisan Cina. Bagi tokoh-tokoh barat seperti Bernhard Karlgren, tujuan kajian-kajian dijalankan adalah untuk menerapkan teori Linguistik komparatif ke atas sebutan tulisan Cina, maka tidak hairanlah sekiranya kadar keberkesanan siri fonetik sebagai penentu sebutan tidak disentuh dan dikaji dengan secara lebih mendalam lagi.